

KERATAN AKHBAR

GUANG MING DAILY

TARIKH: 09 OGOS 2019

MUKA SURAT: KB4

OPERASI BESAR MAJLIS BANDARAYA KLANG (MBK) DI KILANG SAMPAH ASING

[KLANG] Pada hari ini, seramai 30 orang pegawai penguasa yang terdiri daripada MBK, TNB, Jabatan Alam Sekitar, PDRM, SYABAS dan Jabatan Imigresen Malaysia melancarkan operasi pemeriksaan terhadap dua buah kilang sampah asing. Pihak MBK pernah mengeluarkan notis penyitaan kepada kilang tersebut. Namun, kilang tersebut tidak mempedulikan notis tersebut dan masih beroperasi secara haram. Hasil pemeriksaan mendapati keluasan kilang sampah asing ialah dua ekar dan kawasan kilang tersebut dipenuhi oleh sampah asing sehingga ia mengeluarkan bau busuk. Kebersihan di kilang tersebut kurang memuaskan. Di sudut kilang tersebut, terdapat 20 buah hostel pekerja. Menurut Mohd Fakrulli Shah, pegawai MBK mengatakan MBK telah melancarkan operasi pemeriksaan dalam bulan Jun dan Julai. Kali ini, ia merupakan operasi kali ketiga. Beliau turut bertambah dalam setahun lebih ini, pemilik kilang tidak memiliki lesen berniaga dan pas perancangan yang sah. Pihak penguatkuasa mengambil tindakan terhadap pemilik dengan menggunakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta. 19), Seksyen 70 dan 80 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN